

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-11 - UCAPAN TANGGUHAN
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-06-1988

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saudari-saudari dan saudara yang saya hormati, Syukur kepada Allah Subhanahu Wataala, Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-11 telahpun selamat sempurna.

2. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada saudari-saudari dan saudara kerana bersama-sama bersabar membincang, merancang dan memilih Jawatankuasa Tadbir baru.

Saya ucapkan syabas atas pemilihan itu dan tahniah kepada yang dipilih. Kita yang duduk dalam Jawatankuasa Tadbir baru sesi 88/89 tidak akan lari daripada tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk BAKTI terus maju dan berbakti kepada ahli-ahli serta masyarakat amnya.

3. Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala supaya dikurniakanNya kesejahteraan, keimanan dan taufik dan hidayahNya kepada kita semua demi kebaikan BAKTI dan masyarakat.

4. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua ahli-ahli dalam BAKTI yang menyumbangkan juadah, tenaga dan masa untuk Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung ini. Sehatan istimewa bagi Setiausaha Kerja Datin Faridah, Bendahari Kerja Datin Ena, Encik Kamal, Juru Odit, Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil yang membuat laporan masing-masing.

Sekian, wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum.